

HUMS laksana program kesihatan di Long Pasia

Sambutan terhadap program amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 240 penduduk

UB 11.07.2023 P.04

KOTA KINABALU: Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) menerusi Program Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) mengadakan Program Kesihatan di Kampung Long Pasia, Sipitang baru-baru ini.

Ketua Pasukan Perubatan, Dr. Yung Chee Tien, berkata Program KRIS itu merupakan sebuah program klinik bergerak dan program

jangkauan kesihatan komuniti kepada golongan sasar, iaitu golongan luar bandar dan pedalaman.

"HUMS merupakan salah sebuah institusi perubatan yang antara lain berperanan untuk memberikan perkhidmatan rawatan serta perkongsian ilmu kesihatan di kawasan penduduk yang terhad dalam akses fasiliti perubatan.

"Untuk itu pada program ini, seramai 24 kakitangan

HUMS menjadi sukarelawan yang terdiri daripada Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergerakan, Pegawai Farmasi dan Jururawat telah menjayakan program ini," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, sambutan yang diterima sepanjang tiga hari di Kampung Long Pasia amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 240 penduduk.

"Selain meningkatkan kes-

edaran penjagaan kesihatan secara menyeluruh, program ini secara tidak langsung dapat mewujudkan sebuah jejalin kukuh antara HUMS dengan penduduk di sana.

"Penganjuran program ini juga selari dengan moto HUMS iaitu 'Transforming Healthcare' dengan matlamat untuk meningkatkan taraf kesihatan kawasan luar bandar dan pedalaman serta meningkatkan kebolehpasaran kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi untuk masyarakat setempat di Sabah," jelasnya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik

dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof yang turut hadir dalam program tersebut menyambut baik inisiatif HUMS berkenaan.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan lagi sekali guna memberikan manfaat kepada komuniti terutama masyarakat di luar bandar dan pedalaman Sabah khususnya dalam aspek kesihatan," katanya.

PERUBATAN: HUMS turut memberi ubat-ubatan kepada penduduk selepas pemeriksaan kesihatan.



PENERANGAN: Petugas HUMS mengadakan taklimat kesihatan.



PERIKSA: HUMS membuat pemeriksaan dan saringan kesihatan secara percuma kepada penduduk kampung.